



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/11/79 (HQ)

### TNB TEGUH MENEMPUHI 9BTK2020 YANG MENCABAR, DENGAN KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (PAT) RM2.41 BILION

- PAT Kumpulan merosot 37.5% kepada RM2.41 bilion
- Hasil berkurangan 13.2% kepada RM33.65 bilion
- Aset RE UK akan distrukturkan di bawah syarikat aset tenaga baharu yang baharu

Keuntungan selepas cukai (PAT) Kumpulan Tenaga Nasional Berhad (TNB) turun 37.5 peratus kepada RM2.41 bilion dalam sembilan bulan tahun kewangan 2020 (9BTK2020) daripada RM3.86 bilion dalam tempoh sama pada 2019.

Keuntungan lebih rendah dicatat berikutan penutupan perniagaan yang terjejas akibat COVID-19 sehingga menyebabkan jualan elektrik berkurangan, dan kesan daripada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) 16 sebanyak RM595.1 juta, serta kerugian tukaran matawang asing yang belum terealisasi sebanyak RM174.3 juta.

Kelembapan ekonomi disebabkan oleh penutupan fizikal premis perniagaan, terutamanya sektor perindustrian dan komersial sepanjang perintah kawalan pergerakan (MCO) mengakibatkan penjualan elektrik merosot kepada 82,283.6 GWj pada 9BTK2020 berbanding dengan 87,751.5 GWj pada tempoh sama tahun lalu.

Pendapatan Kumpulan berkurangan 13.2 peratus tahun ke tahun kepada RM33.65 bilion berbanding RM38.76 bilion terutamanya disebabkan sumbangan yang lebih rendah daripada syarikat-syarikat subsidiari dan lebihan pemulihan Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) sebanyak RM1.48 bilion berbanding rebat pemulihan RM2 bilion pada tempoh sama tahun sebelumnya.

Namun margin pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) pada 9BTK2020 kekal pada 40.9 peratus disebabkan oleh penurunan perbelanjaan operasi sebanyak 18 peratus pada sembilan bulan tahun kewangan 2020 kerana Kumpulan menyesuaikan diri dengan keperluan operasi termasuk sekatan pergerakan berikutan pandemik COVID-19.

### **Tanda-tanda pemulihan**

"Pada suku ketiga berakhir September 2020, permintaan dan penjualan elektrik meningkat berbanding pada suku sebelumnya kerana sebahagian besar sektor industri dan komersial dibenarkan beroperasi dengan kapasiti penuh di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP)," kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Katanya, sejajar pemulihan ekonomi, permintaan maksimum 16,570 GWj pada suku ini menghampiri tahap dicapai pada 2019 iaitu 16,894 GWj. "Hasilnya, penjualan dan kutipan meningkat secara berperingkat. Kami akan terus memantau trend ini ketika negara menghadapi gelombang ketiga COVID-19.

"Untuk setahun penuh, TNB menjangkakan penggunaan elektrik secara keseluruhan akan berkurangan antara 6% -10% tahun ke tahun. Namun demikian, kesannya dikurangkan oleh pendapatan entiti dikawal selia kami yang dijamin pada pertumbuhan permintaan 1.8% - 2.0% seperti yang ditetapkan oleh garis panduan Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) pada tempoh kawal selia kedua (RP2)."

### **Melangkah ke Depan dengan Rancangan Penyusunan Semula**

TNB Power Generation Sdn Bhd (TPGSB) berjaya diperbadankan pada 1 Oktober 2020, sebagai anak syarikat milik penuh TNB.

"Pembentukan anak syarikat bebas ini, adalah sebahagian daripada rancangan penyusunan semula dalaman kami yang membolehkan TPGSB memiliki lembaga dan pengurusan sendiri untuk fokus terhadap perniagaannya, dan mengumpul modal untuk meningkatkan fungsi terasnya pada masa hadapan.

"TPGS akan memberi tumpuan kepada peningkatan prestasi loji tenaga domestik TNB sebagai persiapan menghadapi pasaran kapasiti dan tenaga yang dijangkakan. Fokusnya adalah terhadap pertumbuhan dan kecekapan operasi aset penjanaannya, seperti yang digariskan dalam pelan strategik 10 tahun kami, Reimagining TNB.

### **Pertumbuhan Tenaga Boleh Baharu (RE)**

TNB memperoleh kepentingan ekuiti yang membolehkannya mengambil alih Vortex Solar Investments S.a.r.l. (Vortex Solar) pada 17 September 2020, daripada Beaufort Investments S.a.r.l, anak syarikat EFG Hermes Holding SAE.

Vortex Solar adalah antara platform solar terbesar di United Kingdom dengan 24 ladang solar dan jumlah kapasiti gabungan 365MW. Ia antara platform solar terbesar dengan skim subsidi di UK, menjadikannya aset yang penting dalam portfolio RE TNB.

"Pengambilalihan 5% kepentingan dalam Vortex adalah pencapaian penting untuk menguasai aset RE yang berprestasi. Awal tahun ini, melalui Tenaga Wind Ventures UK Ltd, kami juga memperoleh baki 20% kepentingan dalam GVO Wind Ltd dan Bluemerang Capital Ltd, sekali gus menjadikan TNB 100% pemilik aset dari portfolio angin Tarif Galakan yang terbesar di UK."

"Berikutan pengambilalihan ini, kedua-dua aset RE akan diletakkan di bawah satu syarikat aset tenaga boleh baharu yang baharu, supaya TNB dapat fokus terhadap perkembangan bisnes RE antarabangsa dengan memanfaatkan aset, keupayaan dan pengalaman sedia ada," jelas Amir Hamzah.

Di dalam negara, beliau menambah bahawa projek Solar Berskala Besar (LSS) 30MW TNB yang baru dimula tugas di Bukit Selambau, Kedah (8 September 2020) akan mengurangkan pelepasan sekitar 35,840 tan metrik setara karbon dioksida (tCO<sub>2</sub>e) setahun, selepas tarikh operasi komersialnya. LSS pertama Kumpulan dengan kapasiti 50MW di Sepang, Selangor, mengurangkan pelepasan sekitar 57,174 tCO<sub>2</sub>e setahun.

Amir Hamzah mengumumkan bahawa di bawah komitmen kelestarian yang diperbaharui Kumpulan, sasaran kapasiti RE TNB kini ditetapkan pada 8,300MW menjelang 2025. Beliau juga berkata, Kumpulan berhasrat untuk memastikan bahawa pendapatan dari loji penjanaan arang batu tidak akan melebihi 25 peratus. Kumpulan komited untuk tidak lagi melabur dalam pembinaan loji arang batu di atas tapak baharu (*greenfield*), dengan Jimah East Power yang dimula tugas pada tahun 2019, menjadi loji arang batu baharu terakhir bagi TNB.

Ketika ini, kapasiti keseluruhan RE TNB ialah 3,390MW (termasuk hidro besar). Ini termasuk 2,724MW daripada aset domestik dan 666MW daripada aset antarabangsa, merangkumi sekitar 400MW di UK dan selebihnya di Turki (angin dan hidro) serta India (solar).

## Prospek ekonomi

Ekonomi Malaysia pulih dengan mencatat penguncutan yang lebih kecil sebanyak 2.7% pada suku ketiga tahun 2020. Pemulihan ini sebahagian besarnya mencerminkan pembukaan semula ekonomi yang terkesan akibat langkah-langkah pengekangan COVID-19 dan permintaan luaran yang lebih baik. Peningkatan pertumbuhan dilihat di kebanyakan sektor ekonomi, terutamanya perkilangan. Ekonomi juga dijangka akan terus meningkat hingga tahun 2021 seiring dengan permintaan global yang semakin baik di samping sokongan dasar dalam negara. Menurut laporan Bank Negara Malaysia bertarikh 13 November 2020, peningkatan semula kes COVID-19 dan langkah-langkah pengawalan pergerakan yang disasarkan baru-baru ini mampu mempengaruhi momentum pemulihan pada suku akhir tahun ini. Oleh kerana kebanyakan sektor ekonomi yang dibenarkan untuk beroperasi mematuhi prosedur operasi standard (SOP), kesannya dijangka tidak seburuk berbanding tempoh sebelumnya.

Di tengah-tengah suasana yang mencabar, Lembaga Pengarah menjangkakan prestasi Kumpulan akan pulih secara beransur-ansur pada suku tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, disokong oleh pelancaran pakej rangsangan Kerajaan yang tepat pada masanya khususnya Bantuan Prihatin Rakyat dan momentum aktiviti perniagaan yang berterusan. Kumpulan telah mengambil pelbagai langkah waspada dari segi keperluan operasi dan kewangannya untuk memastikan ia tetap berdaya tahan.

### Paparan Keputusan Kewangan

RM' Juta	9 Bulan Berakhir 30 Sep 2020	9 Bulan Berakhir 30 Sep 2019
<b>Jumlah pendapatan</b>	33,651.7	38,762.6
<b>Perbelanjaan operasi</b>	(28,238.4)	(32,268.4)
<b>Pendapatan operasi lain</b>	832.2	776.7
<b>Lebihan operasi (EBIT)</b>	<u>5,903.8</u>	<u>6,857.0</u>
<b>Kos kewangan</b>	(2,733.5)	(2,426.3)
<b>Keuntungan / (Kerugian) tukaran wang asing</b>	(174.3)	(76.0)
<b>Keuntungan bersih (sebelum keuntungan / (kerugian) tukaran wang asing)</b>	2,555.1	3,951.9
<b>Keuntungan bersih yang diagihkan kepada pemilik syarikat</b>	2,380.8	3,875.9
<b>Keuntungan tempoh berkenaan</b>	2,414.6	3,860.9
<b>Pendapatan sesaham</b>	41.81 sen	68.16 sen

**Mengenai Tenaga Nasional Berhad**

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 September 2020, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyenggaraan kemudahan penyejukan daerah, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkaitan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik bersepadu, TNB telah dan akan terus melaksanakan peranan pentingnya dalam mengerak kemajuan negara.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 November 2020**

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /  
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)

\* Sila rujuk siaran akhbar Bahasa Inggeris untuk versi asal